

NC UPM dilantik Presiden ASAIHL

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan dilantik sebagai Presiden Lembaga Pemegang Amanah The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL) baharu yang berkuat kuasa awal tahun hadapan.

Pelantikan tersebut adalah bagi tempoh dua tahun iaitu mulai Januari 2015 hingga Disember 2016 bagi menggantikan Prof. Dr. Idrus A. Paturusi dari Indonesia dan keputusan itu dibuat semasa mesyuarat Lembaga Pengarah ASAIHL kali ke-140 di Nanyang Technological University, Singapura pada 4 Disember lalu.

Sementara itu, Mohd. Fauzi berkata, beliau akan memberikan komitmen yang tinggi untuk membawa ASAIHL ke peringkat lebih tinggi dalam meningkatkan kualiti pendidikan di peringkat ASEAN dan antarabangsa.

“Pelantikan ini dilihat akan memberi peluang kerjasama lebih baik antara ahli ASAIHL seiringan dengan peranan Malaysia yang menjadi Pengerusi ASEAN pada 2015.

“Saya akan bekerjasama dengan semua ahli ASAIHL untuk bersama-sama membawa peningkatan dalam kualiti pendidikan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Persidangan yang bertemakan ‘Pendidikan Inovasi bagi Ekonomi Berasaskan Pengetahuan Kurikulum, Pedagogi dan Teknologi’ telah berlangsung pada 3 hingga 5 Disember lalu yang dihadiri hampir 300 peserta dari 23 negara.